

Praktis Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Penjenayah itu berjaya diberkas _____ pihak polis semalam.
A oleh
B dari
C untuk
D kepada
- 2 "Kamu mestilah berhati-hati _____ melintas jalan raya," pesan ibu.
A bila
B ketika
C masa
D walaupun
- 3 Sebaik sahaja _____ pengajian di Universiti Malaya, Mazlan memohon jawatan kosong di sebuah jabatan kerajaan.
A menyudahi
B menghabisi
C menamatkan
D melangkaikan
- 4 Jamilah _____ Suzana akan menyertai Kem Bina Jati Diri pada minggu hadapan.
A tetapi
B kerana
C atau
D dan

B. Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan tandakan (X) bagi ayat yang salah.

1	Khairudin akan menyertai larian Hari Kebangsaan pada minggu hadapan.	
2	Sahsiah yang baik haruslah dipamerkan oleh kita pada setiap masa.	
3	Oleh sebab pernah mengalami kemalangan jalan raya, Pak Jais sentiasa beringat bila menunggang motosikal.	
4	Sulaiman diamanahkan oleh majikannya supaya mengawal para pekerja semasa ketiadaannya di pejabat.	
5	Kerjasama dari pihak guru dan ibu bapa amat diperlukan untuk menangani gejala buli di sekolah.	

Revisi Pantas

Kata Sendi Nama

- Kata sendi nama ialah ia bertugas untuk menyara frasa nama dengan frasa atau dengan kata nama sesuatu ayat.
- Contoh kata sendi nama: *dari, daripada, kepada, tentang*

Kata Hubung

- Kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua frasa atau lebih sehingga menjadi majmuk.
- Contoh kata hubung: *atau, dan, lalu, lantas*
- Contoh kata hubung: *yang, bahawa, walaupun, apabila, kerana*

Kata Kerja

- Objek dalam kata kerja diletakkan selepas kata kerja.
- Frasa kerja pasif diri kata ganti nama diri kedua tidak boleh kata ganti nama diri ketiga kata ganti nama diri keempat diletakkan di hadapan dasar.